



Berita Harian - Harga BMW, Volkswagen lebih rendah selepas SST

🕒 Rabu, Sep 05 2018



Model CKD BMW

	SST	GST
118i M Sport		
318i Luxury	RM185,800	RM188,800
530e Sport	RM202,800	RM205,800
530i M Sport	RM328,800	RM343,800
740Le xDrive	RM379,800	RM388,800
740Le xDrive	RM594,800	RM598,800
X1 sDrive20i Sport	RM227,800	RM230,800



Model CKD Volkswagen

	SST	GST
Polo		
Vento Comfortline	RM74,990	RM76,888
Vento Highline	RM84,690	RM86,888
Vento Highline	RM91,490	RM93,888
Tiguan Comfortline	RM146,690	RM148,888
Tiguan Highline	RM165,990	RM168,888
Passat Comfortline	RM176,690	RM179,990
Passat Comfortline	RM195,390	RM198,990
Passat Highline		



Harga kereta Volkswagen turut dijual lebih rendah selepas SST.

Harga BMW, Volkswagen lebih rendah selepas SST

➔ Pengurangan bawah RM3,000 untuk kebanyakan model pemasangan tempatan

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@nstp.com.my

Kebanyakan model pemasangan tempatan (CKD) kenderaan BMW dan Volkswagen menyaksikan harga lebih rendah selepas pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) berbanding Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Menerusi senarai harga baharu yang diumumkan BMW, harga lebih rendah membatikan model 530e Sport sebanyak RM15,000, 530i M Sport (RM9,000), 740Le xDrive (RM4,000) serta 118i M Sport, 318i Luxury dan X1 sDrive20i Sport masing-masing lebih rendah RM3,000.

Bagaimanapun, model CKD X5 xDrive40e M Sport meningkat sebanyak RM2,000.

Harga model versi import sepenuhnya (CBU) BMW seperti M4 Coupe dan M5 meningkat sebanyak RM12,000, 430i Coupe M Sport dan X2 sDrive20i M Sport (masing-masing RM8,000), serta RM7,000 untuk 420i Coupe Sport.

Turun berbanding GST

Sementara itu, Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) dalam satu kenyataan berkata, harga baharu bagi kenderaan Volkswagen turun selepas pelaksanaan SST berbanding GST, kecuali model CBU.

"Model Polo kini dijual pa-

da harga RM74,990, berbanding RM76,888 semasa GST manakala Vento Comfortline pula lebih rendah kepada RM84,690 daripada RM86,888.

"Harga model Vento Highline juga lebih rendah kepada RM91,490, Tiguan Comfortline (RM146,690), Tiguan Highline (RM165,990), Passat Comfortline (RM176,690) serta Passat Highline yang kini dijual pada harga RM195,390," katanya.

VPCM berkata, Skim Perlindungan Harga (PPS) juga masih digunakan untuk semua model yang didaftarkan sebelum 15 November 2018 dan sementara stok masih ada.

"Sejak memperkenalkan PPS, permintaan terhadap kenderaan Volkswagen semakin meningkat.

"Sementara kami sedang berusaha untuk menepati semua permintaan itu, stok kenderaan adalah sangat terhad dan pelanggan harus merebut peluang ini untuk membuat tempahan secepat mungkin," katanya.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

